

**DATE:** 25 JUNE 2013  
**PUBLICATION:** KOSMO  
**SECTION:** BUSINESS  
**HEADLINE:** SONA PETROLEUM SASAR RAIH DANA RM550 JUTA  
**CATEGORY:** COMPANY NEWS  
**MEASUREMENT:** 130 CM<sup>2</sup>

## Sona Petroleum sasar raih dana RM550 juta

**KUALA LUMPUR** – Sona Petroleum Bhd. (Sona Petroleum), syarikat pengambilalihan tujuan khas (SPAC), yang akan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Securities berharap untuk menyelesaikan proses penyusunan tersebut menjelang separuh kedua tahun ini.

Semalam syarikat itu telah menandatangani perjanjian taja jamin bagi cadangan tawaran awam permulaan (IPO) syarikat.

CIMB Investment Bank dan RHB Investment Bank dilantik sebagai penasihat utama bersama, ejen penempatan bersama dan penaja jamin urusan bersama.

Kenanga Investment Bank dan MIF Amanah Investment Bank pula merupakan penaja jamin bersama bagi IPO berkenaan.

Pengarah Urusan dan Pengarah Eksekutif Bukan Bebas, Sona Petroleum, Datuk Seri Hadian Hashim

(gambar) berkata, syarikat mengunjurkan untuk mengumpul RM550 juta daripada IPO berkenaan.

“Dana yang diperolehi nanti akan digunakan untuk tujuan memperoleh syarikat operasi atau aset dalam pemerokaan dan pengeluaran.

“Kami diberi tempoh tiga tahun selepas penyusunan untuk menepati pengambilalihan dan kami yakin untuk dapat memenuhi tempoh berkenaan. Kami sedang meninjau ka-

wasan-kawasan tertentu seperti Timur Tengah, Afrika dan Asia Tenggara untuk pelaburan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sempena majlis menandatangani perjanjian taja jamin bersempena penyusunan syarikat di sini semalam.

IPO syarikat itu melibatkan terbitan awam sehingga 1.1 bilion saham biasa baharu bernilai RM0.01 setiap satu.

